



جیاتن کهکیم شرعيه ملیسیا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSMD)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (20)
Takwim : 14 Jamadil Akhir 1423
Tarikh : 23 Ogos 2002

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2002

Prosedur Rayuan Dalam Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.3 Tahun 2002 pada 7 Mei 2002 di Johor Bahru bersamaan 25 Safar 1423 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung bagi tujuan rayuan oleh pihak yang terkilan, Pendaftar/Penolong Pendaftar hendaklah memberitahu Hakim dengan serta merta mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) permohonan bagi mendapat kebenaran untuk merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi ; atau
- (b) permohonan bagi mendapatkan penangguhan prosiding/perlaksanaan sementara menanti rayuan didengar.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi dan/atau bagi penggantungan, hendaklah didengar pada hari yang sama permohonan itu diterima atau pada hari bekerja yang berikutnya.

Arahan ini berkuatkuasa 1 Jun 2002.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2002